

# MAJLIS MERAIKAN MANTAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA DAN PANGLIMA PERKHIDMATAN

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5601-majlis-meraikan-mantan-panglima-angkatan-tentera-dan-panglima-perkhidmatan-2](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5601-majlis-meraikan-mantan-panglima-angkatan-tentera-dan-panglima-perkhidmatan-2)

KUALA LUMPUR, 6 Nov 19 - Majlis meraikan mantan Panglima Angkatan Tentera dan Panglima Perkhidmatan sempena Hari ATM Ke-86 telah diadakan di Wisma Perwira ATM petang tadi.

Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi mengenang jasa dan bakti pimpinan ATM terdahulu di atas pengorbanan yang tinggi dalam memastikan keamanan negara sentiasa terpelihara.

Majlis yang bertemakan 'Past Leader, Present Mentors' dihadiri Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu; Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin; Panglima-panglima Perkhidmatan dan Pegawai-pegawai Kanan ATM beserta pasangan.





